



KELAYAKAN CALON BERTANDING

1. Pelajar Diploma di Politeknik Balik Pulau yang berstatus aktif.
2. Pelajar Diploma di Politeknik Balik Pulau yang tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib oleh pihak berkuasa tata tertib Politeknik Balik Pulau.
3. Pelajar Diploma di Politeknik Balik Pulau yang mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya setahun atau dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum bagi program pengajian yang diikutinya tidak termasuk Latihan Industri.
4. Pelajar Diploma di Politeknik Balik Pulau yang telah menduduki peperiksaan pertamanya di Politeknik Balik Pulau.
5. Memperoleh keputusan peperiksaan dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) tidak kurang daripada 2.75 bagi Diploma yang terakhir didudukinya sebaik sahaja sebelum pengisytiharan pemilihan.
6. Mana-mana pelajar Diploma di Politeknik Balik Pulau yang prosiding tata tertib terhadapnya masih belum selesai tidak layak menjadi calon melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pengarah Politeknik Balik Pulau.

**Sebarang kekeliruan berkenaan senarai pelajar berstatus aktif boleh dirujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik untuk pengesahan status pelajar.

PROSEDUR PENAMAAN CALON

1. Seseorang pelajar hanya layak menjadi calon bagi satu kerusi yang dipertandingkan sahaja.
2. Seseorang calon untuk sesuatu Kerusi Jabatan mestilah terdiri daripada pelajar di jabatan itu sahaja.
3. Setiap calon mestilah mempunyai seorang pencadang dan seorang penyokong.
4. Seseorang pelajar hanya dibenarkan mencadang atau menyokong seorang calon sahaja.

5. Seseorang calon bagi sesuatu kerusi tidak layak menjadi pencadang atau penyokong calon lain yang bertanding dalam pemilihan pelajar.
6. Semua penamaan calon hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penamaan Calon yang boleh didapati laman Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
7. Semua calon dan pencadang/penyokong masing-masing hendaklah hadir semasa hari penamaan calon.
8. Percanggahan maklumat yang dikemukakan dalam Borang Penamaan Calon akan ditolak untuk bertanding.
9. Pada hari penamaan calon, mana-mana calon yang ingin menarik diri perlulah mengisi Borang Penarikan Pencalonan Pilihan Raya MPP
10. Borang Pengisytiharan Calon Pilihan Raya MPP yang mempunyai senarai nama calon yang layak bertanding akan dipamerkan untuk pengetahuan umum di pusat penamaan calon pada masa yang ditetapkan.
11. Sebarang bantahan berhubung dengan penamaan calon hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Bantahan Pencalonan kepada Pengurus Pilihan Raya dalam tempoh tersebut.
12. Sekiranya selepas penamaan calon ditutup, didapati jumlah calon bagi sesuatu kerusi sama dengan jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus Pilihan Raya akan mengisytiharkan calon-calon yang menang tanpa bertanding dan mengisi Borang Pengisytiharan Menang tanpa Bertanding.
13. Sekiranya jumlah calon melebihi jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus Pilihan Raya akan mengumumkan pilihan raya akan dijalankan.
14. Sekiranya bilangan calon kurang daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan, Pengurus Pilihan Raya akan mengisytiharkan calon-calon berkenaan menang tanpa bertanding dan Pengurus Pilihan Raya akan menyerahkan urusan pelantikan kepada PHEP (KD)